

**TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI PENGANGKUTAN**

**DI MAJLIS AMANAT TAHUN BARU 2018
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

**4 JANUARI 2018 (KHAMIS)
DEWAN SERBAGUNA
ARAS 2, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

ALUAN

YB Datuk Ab Aziz Kaprawi,
Timbalan Menteri

Y.Bhg. Datuk Seri Hj. Saripuddin Hj. Kasim,
Ketua Setiausaha Kementerian

Y.Bhg. Dato' Chua Kok Ching,
Timbalan Ketua Setiausaha

Y.Brs. En Mohd Khairul Adib bin Abdul Rahman
Timbalan Ketua Setiausaha

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pengangkutan/Jabatan/Agensi

Seluruh warga Kementerian Pengangkutan dan Jabatan serta agensi di bawah Kementerian Pengangkutan yang dihormati sekalian

**Salam Sejahtera, Salam 1Negeraku Malaysia dan Selamat Pagi
kepada semua**

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru 2018 kepada semua warga kerja MOT, jabatan dan agensi sekalian.
2. Adalah menjadi kebiasaan kita semua untuk mengharapkan agar tahun baru supaya menjadi tahun yang lebih baik untuk kita semua. Sudah semestinya bagi saya sendiri, besar harapan saya agar 2018 menjadi tahun paling baik bagi MOT.
3. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga MOT dan Jabatan serta Agensi di bawah MOT yang hadir pada majlis amanat dan perhimpunan bulanan yang pertama untuk 2018 ini.
4. Penghargaan juga saya kepada BSKU dan UKK selaku penganjur bersama Majlis Amanat dan perhimpunan bulanan 1MOT untuk bulan Januari 2018.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

MENGIMBAU 2017

5. Menyingkap kembali tahun 2017 yang merupakan "*year of delivery*" seperti yang diaspirasikan oleh YAB Perdana Menteri, pelbagai kejayaan dan pencapaian cemerlang telah berjaya kita capai dalam usaha berterusan kita bagi memberikan perkhidmatan sebaik mungkin kepada rakyat.

6. Seiring dengan aspirasi kerajaan bagi mencapai status negara maju berpendapatan tinggi, Malaysia kini berada di puncak dalam memperkasa ekosistem pengangkutan negara terutama di kawasan bandar-bandar utama.
7. Dalam hal ini, saya sangat gembira dan berbangga dengan apa yang telah MOT kecapai bukan sahaja dalam negara malah juga di peringkat global.
8. Saya amat gembira dengan kejayaan kita kerana telah berjaya sekali lagi memenangi kerusi Ahli Majlis International Maritime Organisation (IMO) bagi kategori C buat penggal ketujuh berturut-turut.
9. Dan semestinya kejayaan ini tambah bererti apabila kita memenangi kerusi tersebut dengan undi yang jauh lebih tinggi iaitu sebanyak 131 undian yang meletakkan Malaysia di kedudukan ke-9 berbanding tempat ke-17 pada penggal lalu.
10. Selain daripada itu, saya juga turut berbangga dengan kejayaan kita dalam menghoskan kongres logistik antarabangsa FIATA 2017 pada bulan Oktober lalu yang julung-julung kali diadakan di Malaysia.
11. Ini menunjukkan penghormatan dan pengiktirafan pemain industri logistik dunia terhadap pembangunan sektor logistik negara dalam usaha kita untuk menjadi hab logistik Asia.

Warga MOT sekalian,

12. Banyak yang telah kita laksanakan dan bangunkan seperti apa yang dapat kita lihat di skrin montaj sebentar tadi. Pelbagai projek infra rakyat dan perkhidmatan telah berjaya MOT laksanakan bagi keselesaan dan faedah semua lapisan rakyat Malaysia.

13. Antara projek-projek tersebut termasuk:
 - I. Park & Ride Facilities di Salak Tinggi;
 - II. Bus Stop Program di HAB Seksyen 19;
 - III. Perolehan 10 Set (6 Cars) Electric Train Set;
 - IV. Automatic Fare Collection (AFC) di Stesen-stesen Kereta api;
 - V. Projek Pembaikan Terowong dan Kerja-kerja Berkaitan Stesen Kuala Krai dan Kuala Lipis;
 - VI. Pembesaran Apron dan Laluan Lapangan Terbang Miri, Sarawak;
 - VII. Menaik Taraf Lapangan Terbang Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang dan Sandakan, Sabah;
 - VIII. Kajian Kemungkinan Padang Terbang Lawas Baharu, Sarawak, dan Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka serta kajian Peningkatan Pengurusan Trafik Udara klia2;
 - IX. Projek Pengangkutan Melalui Sungai-sungai di Terminal Penumpang di Kuching, Sarawak; dan
 - X. Menaik Taraf Rumah Api, Tandarh Suar Dan Pelampung Arah Suar Termasuk Kelengkapan Navigasi di Sabah.

14. Semua ini merupakan bukti bahawa tahun 2017 merupakan satu tahun yang rancak bagi pelbagai projek infrastruktur pengangkutan untuk kepentingan masa hadapan yang telah mula dilaksanakan dan sebahagian daripadanya telah pun memulakan operasi.

15. Belum pernah dalam sejarah Malaysia begitu banyak projek-projek pengangkutan awam terutamanya rel dibangunkan seperti yang kita alami pada masa ini.
16. Antaranya termasuk pengoperasian sepenuhnya jajaran MRT laluan Sungai Buloh – Kajang sepanjang 51km pada bulan Julai lalu. Selain itu, kerja-kerja pembinaan MRT2 yang akan menghubungkan Sungai Buloh – Serdang – Putrajaya sedang giat dijalankan dan kita jangka akan siap pada tahun 2022.
17. Selain itu, projek mega East Coast Rail Link yang bakal menghubungkan negeri-negeri pantai timur dengan Kuala Lumpur juga telah dilancarkan pada tahun lalu. Apabila siap, masa perjalanan antara Kuala Lumpur dengan Kelantan dapat dipendekkan kepada hanya 4 jam sahaja.
18. MOT juga sedang giat dalam melaksanakan projek landasan berkembar yang menghubungkan Gemas dengan Johor Bahru yang kita jangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2020.
19. Sungguhpun sebahagian daripada projek-projek ini bukanlah di bawah kendalian Kementerian secara langsung, namun kita memainkan peranan yang begitu penting dalam memastikan kesemua projek-projek ini dapat dilaksanakan dengan sempurna untuk kesejahteraan dan kesejahteraan rakyat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

2018 Tahun yang mencabar

PENGURUSAN KEMENTERIAN

Tuan-Tuan dan Puan-Puan, warga MOT sekalian,

20. Seperti yang saya tekankan di awal ucapan saya tadi, tahun baru 2018 ini merupakan tahun yang lebih dan amat mencabar buat kita kerana kita maklum bahawa pada tahun ini kita akan menempuh Pilihanraya Umum ke-14.
21. Oleh yang demikian kita tidak boleh berada di zon selesa walaupun telah banyak kejayaan yang kita kecapai pada tahun lalu. Saya menyeru agar semua warga kementerian, jabatan dan agensi di bawah MOT bersama-sama saya untuk memberikan perkhidmatan yang lebih unggul kepada rakyat Malaysia.

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN MOT TAHUN 2018

22. Kerajaan di dalam Bajet 2018 telah memperuntukkan sebanyak **2.97 billion ringgit** kepada Kementerian Pengangkutan bagi melaksanakan hampir 46 projek-projek pembangunan.
23. Antaranya termasuk: -
 - I. Merekabentuk Dan Membina Baru Jejantas Motosikal Dan Pejalan Kaki Merentasi Landasan Keretapi di Sektor Klang Valley Double Track (KVDT);

- II. Landasan Keretapi Berkembar Gemas Ke Johor Baru;
 - III. Landasan Pantai Timur – Membaikpulih Dan Menaik taraf Landasan Kereta Api di Pantai Timur;
 - IV. Projek Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KL ATCC) Baru Dan Sistem-Sistem Berkaitan Bagi Kuala Lumpur Flight Information Region (FIR);
 - V. Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang di Sultan Ismail Petra, Kota Baharu; Sandakan, Sabah dan Mukah, Sarawak.
24. Oleh itu, besar harapan saya agar kita dapat melaksanakan kesemua projek ini dengan baik untuk kesejahteraan dan faedah rakyat.

Hadirin sekalian,

25. Pada tahun ini juga kita akan menyaksikan peralihan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) yang akan menjadi sebuah badan berkanun dan akan dikenali sebagai Lembaga Penerbangan Awam Malaysia (CAAM). Selain daripada itu, kementerian merangka struktur Lembaga Keselamatan Pengangkutan Malaysia (MTSB) dan diharapkan dapat kita laksanakan pada tahun ini.

HARAPAN TAHUN 2018

Warga MOT sekalian,

26. Akhir kata, saya berharap agar semua cabaran, dugaan dan ujian yang telah kita hadapi pada tahun yang lalu dapat dijadikan sebagai pengalaman dan kekuatan untuk kita mengorak langkah lebih jauh terutamanya dalam menghadapi tahun getir 2018.
27. Kejayaan hanya boleh dikecapi melalui usaha dan pengalaman. Marilah kita semua di semua peringkat bekerjasama, berganding bahu dan bermuafakat bagi meningkatkan prestasi dan kualiti penyampaian perkhidmatan kita serta menyumbang kepada pertumbuhan negara.
28. Akhir kata, saya berharap agar anda dapat bersama-sama dengan saya untuk terus komited dalam menjayakan semua perancangan kementerian pada tahun baru 2018 ini.

Sekian

Terima kasih